



UiTM@Media **2016**

Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

Kelebihan kepada usahawan, pelabur



KUALA LUMPUR 1 Mac - Penganjuran Utusan Business Awards 2015 yang pertama kali diadakan merupakan satu pendekatan yang baik kepada masyarakat usahawan dan pelabur untuk melihat kekuatan dan kecemerlangan bagi sesebuah syarikat.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman berkata, ia juga dapat membantu dalam meningkatkan kecemerlangan institusi dan memberi contoh yang baik kepada orang lain.

“Saya amat berterima kasih kerana pihak Kumpulan Utusan memberi ruang kepada PNB untuk terlibat sama dalam anugerah ini.

“Bagi PNB, sekalipun, saya bukanlah yang terbaik dalam arena ini tetapi saya menganggap pengiktirafan anugerah ini sebagai dorongan untuk kita bersama-sama dan membantu meningkatkan kecemerlangan industri supaya dapat memberi contoh yang baik kepada orang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis Utusan Business Awards 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Hamad Kama Piah menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat yang disampaikan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzudin Shah.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

Beliau telah menerajui PNB selama 17 tahun sejak 1998 dan berpengetahuan luas dalam bidang pengurusan pelaburan dan kewangan korporat.

Selain menjadi ahli Lembaga Pengarah PNB, beliau juga pengarah beberapa syarikat di bawah Kumpulan PNB, antaranya, Amanah Saham Nasional Berhad, Amanah Mutual Berhad, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd., PNB-Wasserstein Holdings LLC, PNB (UK) Limited dan PNB Asset Management (Japan) Co. Ltd.

Lulusan bidang statistik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini turut merupakan Pengerusi PNB

Development Sdn. Bhd., PNB Equity Resource Corporation Sdn. Bhd. dan Singapore Unit Trust Limited.

Di samping itu, beliau juga merupakan Pengerusi Universiti Malaysia Kelantan, Pengarah Profesional Golf Malaysia dan pemegang amanah Merdeka Heritage Trust dan Yayasan Karyawan.

Hamad Kama Piah memiliki Ijazah Sarjana Falsafah dari Universiti of Swansea, United Kingdom. Beliau dianugerahkan Doktor Kehormat dalam Pentadbiran Muamalat dan Ekonomi dari Universiti Sains Islam Malaysia dan Doktor Kehormat dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Tenaga Nasional.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

